

29 DEC 2002

Zam-Pembangkang

PEMBANGKANG CUBA KELIRUKAN RAKYAT TENTANG PERSARAAN PM, KATA ZAM

KOTA BAHARU, 29 Dis (Bernama) -- Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan PAS kini sedang berkempen untuk menimbulkan keraguan rakyat terhadap keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara Oktober depan, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin.

Beliau berkata kempen itu terpaksa mereka lakukan untuk memberi kredibiliti terhadap dakwaan pembangkang selama ini.

"Persaraan Dr Mahathir kelak akan membuktikan pembohongan dan kejahatan mereka. Mereka telah mencemuh pengumuman Perdana Menteri yang dibuat pada mesyuarat agung Umno Jun lepas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sejurus tiba di lapangan terbang Pengkalan Chepa untuk menghadiri mesyuarat dengan pertubuhan bukan kerajaan dan karyawan di Kelantan berhubung usaha menghidupkan lagi kegiatan seni dan budaya di negeri ini.

Zainudin berkata pembangkang kini takut menghadapi kebenaran itu kerana pengganti Dr Mahathir kelak adalah seorang yang telah menunjukkan tindakan tegas terhadap penyelewengan politik mereka daripada amalan demokrasi sebenar.

Dr Mahathir telah menamakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau.

Zainudin berkata: "Selama ini mereka tidak mahu percaya bahawa Dr Mahathir terpaksa membatalkan persaraannya lebih awal daripada itu kerana masalah krisis moral paling dasyat dalam Umno sendiri.

"Setelah kes skandal dan rasuah terbukti benar, mereka meneruskan perjuangan untuk membela tokoh homoseksual dan kes-kes bersifat jenayah."

Merujuk kepada tulisan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menjalani hukuman penjara yang sering disiarkan oleh media asing dan laman web pro-pembangkang, Zainudin berkata tidak pernah dalam sejarah media di Malaysia akhbar-akhbar menyiarkan tulisan daripada banduan atau penjenayah.

Tetapi, katanya, ini dilakukan oleh lidah rasmi PAS, Harakah dan ia dapat dilihat dan dibaca oleh orang ramai sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

"Sebenarnya, di sebalik kempen mengelirukan rakyat tentang keputusan Dr Mahathir untuk berhenti ialah kebimbangan mereka untuk menghadapi cabaran baru daripada seorang yang berwajah lembut tetapi telah membuktikan kewibawaan dan ketegasan, keadilan dan kebijaksanaan dalam bertindak secara berkesan dan meyakinkan orang ramai," katanya.

-- BERNAMA
MAM MAM MOZ